

DORONGAN PENEMPATAN DAN KESELESAAN DIRI WARGA TUA DI RUMAH SERI KENANGAN (RSK), TAIPING, PERAK

(Push factors towards placement and personal comfort among elderly persons in Rumah Seri Kenangan (RSK), Taiping, Perak)

Thamil Chelvi Armugam
Suresh Kumar N Vellymalay

ABSTRAK

Kajian ini meneroka faktor-faktor yang mendorong penempatan warga tua di Rumah Seri Kenangan Taiping dan keselesaan golongan ini di pusat jagaan ini. Seramai empat puluh lima orang warga tua dipilih menggunakan kaedah persampelan kuota sebagai sampel kajian. Kajian ini menggunakan temu bual berstruktur berbantuan soal selidik digunakan bagi mendapatkan maklumat daripada warga tua yang dikaji. Hasil kajian mendapati bahawa lebih hampir 60.0% warga tua adalah bujang dan ketidakmampuan saudara terdekat untuk menjaga warga tua menjadi penyumbang utama kepada dorongan penempatan warga tua di RSK Taiping. Faktor ini diikuti ketidakmampuan ahli keluarga untuk menjaga warga tua, masalah kesihatan yang dihadapi oleh warga tua, kekangan kewangan dan sikap tidak ingin membebankan ahli keluarga. Hasil kajian juga mendapati bahawa warga tua yang ditempatkan di sini berpuas hati dan selesa dengan kemudahan, sikap ambil berat, jagaan kesihatan dan jaminan makan-minum berbanding pengalaman sebelum menghuni RSK Taiping.

Kata kunci: warga tua, penempatan, penyesuaian, Rumah Seri Kenangan

ABSTRACT

This study explores the push factors that contribute to the placement of elderly persons in Rumah Seri Kenangan Taiping and their satisfaction at this care centre. The sample consists of forty five elderly persons and they were chosen using quota sampling method. Structured interview with a guided questionnaire was used to obtain information from the elderly persons studied. The findings show that nearly 60.0% of the elderly persons are single and the failure of their siblings in taking care of the elderly persons is the main contributor to the placement of the elderly persons at RSK Taiping. This is followed by the failure of their family in taking care of the elderly persons, their health problem, financial constraints and the attitude not wanting to burden their family members. The findings of this study also show that the elderly persons are well adapted and felt satisfied with the facility, caringness, healthcare and food provided compared to the experience they gain before their placement at RSK Taiping.

Keywords: elderly persons, placement, adaptation, Rumah Seri Kenangan

PENDAHULUAN

Dewasa ini, perubahan demografi menyaksikan pertambahan dalam bilangan warga tua di Malaysia. Kadar kelahiran yang tinggi dan kadar kematian yang rendah dalam kalangan penduduk memberi kesan kepada jangka hayat panjang seseorang individu. Jangka hayat yang panjang beserta penurunan dalam kadar kematian meningkatkan bilangan warga tua (Surina Nayan, 2006). Keberkesanaan dalam kualiti hidup dan kemudahan perubatan juga turut mencetuskan peningkatan dalam jangka hayat hidup dalam kalangan warga tua (Mashitah Ibrahim, 2011). Namun demikian, perubahan ini memberi kesan yang tinggi ke atas warga tua terutamanya dalam hal penjagaan warga tua.

Isu penjagaan warga tua menjadi salah satu isu yang amat signifikan pada hari ini. Hal ini kerana ramai warga tua berhadapan dengan masalah penjagaan menyebabkan mereka terpaksa menghuni rumah atau pusat jagaan orang tua. Pada tahun 2011 sahaja, lebih 6 000 warga tua didapati menghuni sebelas pusat jagaan Jabatan Kebajikan Masyarakat dan 165 pusat jagaan milik badan bukan kerajaan dan swasta di negara ini (The Malaysian Times, 2012). Angka ini jelas membuktikan bahawa isu penjagaan warga tua perlu diberi perhatian yang serius.

KENYATAAN MASALAH

Di Malaysia, terdapat sejumlah 2.54 juta warga tua pada 2013 yang merangkumi 8.6% daripada penduduk Malaysia. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 1.34 juta adalah wanita manakala 1.2 juta adalah lelaki (Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, 2014). Jika dilihat pada statistiknya, jumlah warga tua telah meningkat sebanyak 24.9% dalam tempoh lima tahun iaitu antara 2008 hingga 2013. Jumlah warga tua telah meningkat daripada 2 035 500 orang pada tahun 2008 kepada 2 248 400 pada orang pada 2010. Angka ini terus meningkat kepada 2 438 500 orang pada tahun 2012 lalu mencecah angka 2 542 600 orang pada tahun 2013 (Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, 2014). Pertambahan dalam jumlah warga tua ini menunjukkan bahawa jangka hayat warga tua di Malaysia semakin panjang. Jika dilihat dari segi purata jangka hayat bagi lelaki di Malaysia adalah 76 tahun manakala jangka hayat bagi wanita pula adalah 78 tahun (Zuhayati Yazid, 2012).

Dari satu perspektif, negara berasa bangga dengan peningkatan jangka hayat warga tua akibat kemudahan perubatan dan kualiti hidup. Akan tetapi dari satu perspektif lain, soal penjagaan warga tua semakin membimbangkan. Dewasa ini ramai warga tua dipinggirkan oleh keluarga. Malah, tidak kurang pula yang menghantar warga tua ke pusat jagaan warga tua (Noraini Che Sharif, Khadijah Alavi, Ponnusamy Subramaniam & Zainah Ahmad Zamani, 2015). Pada tahun 2013, didapati sebanyak 1631 warga tua menghuni Rumah Seri Kenangan (RSK) manakala sebanyak 227 warga tua menghuni Rumah Ehsan yang dikendalikan oleh kerajaan. Tambahan lagi, sejumlah 5168 warga tua menghuni pusat jagaan yang dikendalikan oleh pihak NGO dan juga pihak swasta yang melibatkan jenis kediaman dan juga pusat jagaan harian pada tahun yang sama (Jabatan Kebajikan Masyarakat, 2014).

Persoalannya, mengapakah warga tua semakin dipinggirkan sehinggakan golongan ini terpaksa menghuni pusat-pusat jagaan warga tua? Apakah perubahan zaman telah melenyapkan rasa penghargaan terhadap warga tua? Apakah generasi masa kini mula melihat ibu bapa sebagai beban tanpa mengambil kira jasa dan pengorbanan warga tua? Banyak antara persoalan sebegini

masih belum menjawab sepenuhnya. Yang pasti adalah pembangunan negara dan pemodenan yang dikecapi oleh masyarakat memberi kesan kepada sikap dan kesedaran golongan muda untuk menjamin kebajikan warga tua (Noraini Che Sharif et al., 2015).

Selaras pertambahan warga tua, institusi keluarga sepatutnya perlu memahami keperluan dalam memberi perlindungan dan mengambil berat kepada golongan ini. Keluarga dilihat sebagai elemen yang amat kuat dan berpengaruh dalam memastikan kebajikan warga tua terjamin pada usia lanjut. Pada masa yang sama, warga tua amat memerlukan layanan yang baik dan kasih sayang yang secukupnya daripada ahli keluarga. Sikap lepas tangan terhadap warga tua tanpa mengambil kira jasa dan pengorbanan mereka terhadap pembangunan keluarga merupakan satu tingkah laku yang tidak memperlihatkan nilai kemanusiaan.

Sehubungan itu, kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti latar belakang warga tua dan faktor-faktor yang mendorong penempatan warga tua di RSK. Kajian ini juga bertujuan mengenal pasti penyesuaian diri yang dilakukan oleh golongan ini di pusat jagaan ini.

Soalan Kajian

1. Apakah latar belakang warga tua yang menghuni RSK Taiping, Perak Darul Ridzuan?
2. Apakah faktor-faktor yang mendorong penempatan warga tua di RSK Taiping, Perak Darul Ridzuan?
3. Bagaimanakah penyesuaian diri dilakukan oleh warga tua di RSK Taiping, Perak Darul Ridzuan?

KAJIAN LEPAS

Tidak dapat dinafikan bahawa banyak kajian yang dilakukan di luar negara memberi perhatian yang tinggi ke atas warga tua. Banyak isu warga tua diketengahkan bukan sahaja dalam konteks pengabaian dan penjagaan warga tua (seperti, Lee, Gibson dan Chaisson, 2010; Mafauzy, 2000) tetapi juga diperluas kepada pelbagai isu yang berkaitan dengannya seperti kesunyian (Creecy, Berg, dan Wright, 1985), hubungan antara kesihatan dan kesunyian (Burholt dan Scharf, 2014; Luo, Hawkley, Waite dan Cacioppo, 2012), warga tua dan sokongan adik-beradik pada usia tua (Connidis, 1994) dan, keputusan warga tua untuk tinggal berasingan atau dengan anak (Cameron, 2000). Walau bagaimanapun, kajian yang memfokuskan pada isu warga tua khususnya di Malaysia masih mempunyai ruang untuk diperluas bagi meneliti pelbagai aspek berkaitan pengabaian dan penjagaan warga tua. Salah satu isu yang menjadi perdebatan utama pada masa kini adalah pengabaian warga tua dan penempatan golongan ini di pusat jagaan orang tua.

Menurut Surina Nayan (2006) pengabaian warga tua di negara ini didorong oleh pelbagai faktor. Kesibukan bekerja, sikap materialistik yang menenggelamkan kasih-sayang, dan kesenangan dan kebebasan yang diperoleh oleh anak tanpa sokongan ibu bapa mendorong pengabaian warga tua. Selain itu, sikap anak yang menganggap ibu bapa sebagai beban, tiada kesedaran atau penghargaan anak terhadap pengorbanan warga tua dan kurangnya penghayatan nilai agama selain asuhan awal yang kurang mendedahkan kepentingan menghargai warga tua

turut mendorong sikap ini dalam kalangan anak. Hal ini ditambah pula dengan sikap keluarga terdekat yang merasa bahawa bukan tanggungjawab mereka untuk menjaga kebajikan warga tua selain ketersediaan banyak RSK dan pusat-pusat jagaan yang mampu memberi perlindungan yang lebih baik. Malah, keprihatinan kerajaan terhadap warga tua dan bantuan yang disumbangkan kepada golongan ini turut melunturkan sikap anak untuk menyumbang kepada warga tua.

Kajian Noraini Che Sharif et al. (2015) pula mendapati bahawa sikap anak yang mementingkan kerjaya atau tinggal jauh daripada ibu bapa dan, anak-anak yang tidak mampu bertahan dengan karenah ibu bapa dilihat sebagai faktor utama pengabaian warga tua. Faktor-faktor lain adalah jurang komunikasi antara ibu bapa dan anak, ketidakpercayaan ibu bapa bahawa anak dapat menjaga mereka, masalah kewangan dan masalah kesihatan yang dihadapi oleh warga tua juga bertindak sebagai penyumbang kepada pengabaian warga tua.

Kajian-kajian ini juga memaparkan persamaan dengan kajian yang dilakukan di luar negara. Misalnya, kajian Lee, Gibson dan Chaisson (2010) mendapati bahawa bilangan anak yang ramai dalam keluarga, kesibukan bekerja, alpa terhadap nilai tradisi, keprihatinan yang luntur terhadap ibu bapa yang sakit dan kekurangan pemahaman anak terhadap keperluan ibu bapa yang tua turut mendorong pengabaian warga tua. Dalam konteks kesihatan pula, perubahan fizikal dan sosial yang dikaitkan dengan proses penuaan memberi kesan yang tinggi ke atas kesihatan dan penyakit kronik dan, golongan ini memerlukan jagaan jangka panjang (Mafauzy, 2000). Ketidakkampuan anak untuk menjaga ibu bapa menyebabkan golongan ini terabai.

Pengabaian warga tua ini mendorong kepada penempatan golongan ini di pusat-pusat jagaan orang tua. Menyedari masalah penjagaan warga tua dan keperluan tempat perlindungan kepada warga tua, kerajaan telah mewujudkan RSK dan juga Rumah Ehsan bertujuan membantu golongan ini. Sehingga tahun 2013 terdapat sembilan buah RSK dan dua buah Rumah Ehsan beroperasi bagi menyediakan perlindungan kepada warga tua (Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, 2014). Kewujudan pusat jagaan ini memberi nafas baharu kepada warga tua yang diabaikan atau terpinggir. Ia bertindak memberi jagaan, sokongan, perlindungan dan rawatan kepada warga tua dalam menjamin kehidupan golongan ini pada usia tua.

Bagi warga tua yang tiada sokongan dan perlindungan maka pusat jagaan orang tua menjadi tempat perlindungan utama. Golongan ini seakan-akan tiada pilihan lain melainkan menyesuaikan diri dengan kehidupan di pusat jagaan ini. Dengan peralihan masa, ia menjadi satu kebiasaan. Malah, penempatan di pusat jagaan sebegini yang menjamin kesejahteraan dan kualiti hidup warga tua adalah lebih baik daripada golongan ini terus diabaikan atau dipinggirkan oleh keluarga. Dalam meneliti perkembangan ini, kajian Shalini Sanmargaraja dan Seow Ta Wee (2013) terhadap 343 warga tua di RSK Tanjung Rambutan, Perak dan RSK Johor Bahru, Johor tentang pandangan penghuni terhadap rumah warga tua masing-masing mendapati bahawa majoriti warga tua berasa gembira dan selesa menghuni di rumah tersebut. Majoriti warga tua juga berpuas hati dengan kemudahan kesihatan, kemudahan penginapan dan keselamatan di rumah warga tua tersebut. Hal ini membuktikan bahawa warga tua yang dikaji berasa lebih selesa berada di rumah orang tua ini berbanding berada di pangkuan keluarga.

Walau bagaimanapun, kajian-kajian terdahulu gagal melihat kepada dorongan penempatan warga tua khususnya dalam menghuraikan situasi yang dialami oleh warga tua sehinggakan mereka terpaksa menghuni pusat jagaan warga tua. Kajian-kajian tersebut juga gagal mendalami perasaan warga tua terhadap kepuasan atau keselesaan yang diharapkan di pusat jagaan

berbanding pangkuan keluarga. Maka, kajian yang lebih sistematik perlu untuk mengenal pasti permasalahan dan situasi yang dihadapi oleh warga tua bukan sahaja dalam mengenal pasti dorongan kemasukan ke pusat jagaan warga tua tetapi juga keselesaan yang dirasai di pusat jagaan tersebut.

METOD KAJIAN

Reka Bentuk Kajian

Kajian ini memfokuskan kepada kaedah campuran kuantitatif dan kualitatif. Dalam kajian ini, temu bual berstruktur digunakan oleh pengkaji berbantuan soal selidik bagi mendapatkan maklumat berkaitan latar belakang warga tua, faktor penempatan dan penyesuaian golongan ini di RSK Taiping. Soalan tertutup dan soalan terbuka dikemukakan oleh pengkaji kepada warga tua. Soalan tertutup digunakan untuk mengumpul data kuantitatif. Soalan terbuka pula digunakan untuk mendapatkan data kualitatif bagi mengukuhkan penerangan dan tafsiran data kuantitatif dalam kajian ini.

Sampel

Terdapat seramai 191 orang warga di RSK, Taiping. Walau bagaimanapun, hasil perbincangan dengan pihak pengurusan didapati bahawa ramai yang tidak dapat memberi kerjasama untuk kajian ini disebabkan faktor ketidakupayaan fizikal dan kesihatan. Justeru, seramai 45 orang warga tua dipilih menggunakan kaedah persampelan kuota sebagai sampel kajian. Daripada jumlah tersebut, seramai 15 responden pilih dari setiap kaum iaitu warga tua Melayu (15 orang), Cina (15 orang) dan India (15 orang).

Instrumen Kajian

Dalam kajian ini temu bual berstruktur berbantuan soal selidik digunakan bagi mendapatkan maklumat daripada warga tua yang dikaji. Temu bual berstruktur berbantuan soal selidik dapat membantu pengumpulan maklumat secara terperinci dan tersusun. Soalan-soalan dalam soal selidik ini dibentuk selaras dengan objektif kajian. Ia juga disusun dengan cara yang memudahkan warga tua memahami dan menjawab soalan sewaktu temu bual berstruktur diadakan. Soal selidik dibahagikan kepada tiga bahagian, iaitu '*Latar belakang warga tua*', '*Dorongan penempatan di RSK Taiping*' dan '*Keselesaan diri warga tua di RSK Taiping*'.

Bahagian '*Latar belakang warga tua*' dalam soal selidik terdiri daripada soalan tertutup berkaitan umur, jantina, status perkahwinan, taraf pendidikan, pekerjaan terakhir, pendapatan terakhir, bilangan anak dan tempoh menetap di RSK. Bahagian '*Dorongan penempatan di RSK Taiping*' pula terdiri daripada soalan terbuka yang mengukur faktor penempatan warga tua di RSK Taiping (misalnya, '*Siapakah yang menempatkan anda di RSK Taiping?*' dan '*Mengapakah anda ditempatkan di RSK Taiping?*'). Bahagian '*Keselesaan diri warga tua di RSK Taiping*' pula terdiri daripada dua komponen iaitu soalan-soalan yang mengukur '*Keselesaan warga tua menetap di RSK Taiping*' dan '*Keselesaan warga tua sosialisasi di RSK Taiping*'.

Setiap temu bual berstruktur berbantuan soal selidik dengan warga tua yang dikaji mengambil masa lebih kurang 45 minit. Setiap warga tua yang ditemu bual dimaklumkan

bahawa segala maklumat yang dikemukakan oleh mereka dalam temu bual ini adalah sulit dan akan dirahsiakan.

Analisis Data

Data kuantitatif yang dikumpulkan daripada soal selidik akan dianalisis dengan perisian *Statistical Package for the Social Sciences (SPSS)*. Statistik frekuensi dan peratusan digunakan untuk menerangkan dapatan kajian. Tambahan lagi, transkripsi perbualan daripada data kualitatif turut digunakan untuk menerangkan dapatan kajian.

DAPATAN KAJIAN

Latar belakang warga tua di RSK Taiping

Jadual 1 hingga Jadual 9 menunjukkan latar belakang warga tua yang dikaji di RSK Taiping. Latar belakang warga tua yang dikaji ini merangkumi umur, jantina, status perkahwinan, tahap pendidikan, bilangan anak, bekas pekerjaan, pendapatan terakhir, pendapatan sampingan dan tempoh tinggal di RSK Taiping.

Jadual 1: Umur

Umur	Bilangan	Peratus (%)
61 hingga 70 tahun	20	44.0
71 hingga 80 tahun	17	38.0
81 tahun keatas	8	18.0
Jumlah	45	100.0

Jadual 1 menunjukkan umur bagi warga tua yang dikaji RSK Taiping. Daripada jadual tersebut, 44.0% warga tua berumur antara 61 hingga 70 tahun dan 38.0% berumur 71 hingga 80 tahun. Sebanyak 18.0% warga tua berumur 81 tahun ke atas. Dengan ini dapat dikatakan bahawa bahawa lebih ramai warga tua di RSK Taiping berumur 61 tahun hingga 80 tahun.

Jadual 2: Jantina

Jantina	Bilangan	Peratus (%)
Lelaki	27	60.0
Perempuan	18	40.0
Jumlah	45	100.0

Jadual 2 menunjukkan jantina bagi warga tua yang dikaji. Daripada jumlah 45 orang warga tua, sebanyak 60.0% merupakan responden lelaki manakala selainnya adalah wanita. Maka, jumlah warga tua lelaki yang dikaji adalah 20.0% lebih tinggi daripada golongan wanita.

Jadual 3: Status Perkahwinan

Status Perkahwinan	Bilangan	Peratus (%)
Bujang	26	58.0
Duda / Balu	14	31.0
Berkahwin	4	8.8
Cerai	1	2.2
Jumlah	45	100.0

Status perkahwinan warga tua yang dikaji ditunjukkan di Jadual 3. Hasil kajian mendapati bahawa sebanyak 58.0% warga tua yang dikaji merupakan bujang. Golongan ini tidak berkahwin atas pelbagai sebab. Salah seorang warga emas berpendapat bahawa ibu bapanya tidak menjalankan tanggungjawab mengahwinkannya disebabkan masalah kewangan dan bilangan anak yang ramai dalam keluarga. Selain itu, terdapat warga tua yang telah kehilangan ibu bapa mereka sejak kecil dan hilangnya keyakinan dalam soal perkahwinan. Terdapat juga warga tua yang tidak mempunyai keinginan untuk berkahwin dan membina kehidupan baharu. Tidak kurang pula yang ingin mengekalkan status bujang lalu tinggal bersama adik-beradik mereka. Sebanyak 31.0% warga tua merupakan duda dan balu. Hanya 8.8% warga tua yang dikaji telah berkahwin dan pasangan masih hidup manakala seorang warga tua pula berstatus cerai.

Jadual 4: Taraf Pendidikan

Tahap Pendidikan	Bilangan	Peratus (%)
Tiada bersekolah	15	33.3
Sekolah Rendah	18	40.0
Sekolah Menengah	11	24.5
Kolej / Universiti	1	2.2
Jumlah	45	100.0

Jadual 4 menunjukkan taraf pendidikan bagi warga tua yang dikaji. Berdasarkan jadual tersebut, sebanyak 33.3% warga tua didapati tidak pernah bersekolah. Sebanyak 40.0% warga tua mempunyai pendidikan sekolah rendah. Namun, terdapat warga tua yang tercidir dan tidak dapat menamatkan pendidikan sekolah rendah tersebut ketika kecil. Sebanyak 24.5% warga tua mempunyai pendidikan sekolah menengah. Akan tetapi, terdapat juga yang tercidir sebelum

menamatkan sekolah menengah. Hal ini termasuk mereka yang tidak dapat menamatkan pendidikan sehingga Tingkatan Lima dan mereka yang terpaksa berhenti sekolah selepas gagal dalam peperiksaan Sijil Rendah Pelajaran (SRP) di Tingkatan Tiga. Hanya seorang warga tua sahaja didapati mempunyai ijazah. Hasil kajian mendapati pelbagai faktor yang telah menghalang golongan ini daripada bersekolah ketika kecil selain menghalang mereka daripada menamatkan pendidikan rendah mahupun menengah. Faktor-faktor seperti masalah kewangan, masalah keluarga, kemiskinan, tanggungan yang ramai dalam keluarga dan sikap ibu bapa yang tidak mementingkan pendidikan menjadi penghalang kepada warga tua daripada mendapatkan pendidikan yang baik ketika kecil.

Jadual 5: Bilangan Anak

Bilangan Anak	Bilangan	Peratus (%)
Tiada anak	31	68.9
1 – 5 orang	13	28.9
6 – 10 orang	0	0.0
11 orang keatas	1	2.2
Jumlah	45	100.0

Jadual 5 menunjukkan bilangan anak bagi warga tua yang dikaji. Hasil kajian mendapati bahawa sebanyak 68.9% responden tidak mempunyai anak. Hal ini kerana sebanyak 58.0% warga tua merupakan bujang (*rujuk Jadual 3*) manakala terdapat juga warga tua yang tidak mempunyai anak selepas berkhawin. Sebanyak 28.9% warga tua mempunyai antara 1 hingga 5 orang anak dan hanya seorang warga tua mempunyai anak melebihi 11 orang.

Jadual 6: Pekerjaan Terakhir

Pekerjaan terakhir	Bilangan	Peratus (%)
Tiada bekerja	15	33.3
Pekerja Am	14	31.1
Pekerja Swasta	13	29.0
Pekerja Kerajaan	2	4.4
Perniagaan Sendiri	1	2.2
Jumlah	45	100.0

Pekerjaan terakhir yang dilakukan oleh warga tua yang dikaji ditunjukkan oleh Jadual 6. Hasil kajian mendapati bahawa sebanyak 33.3% warga tua tidak pernah berkerja. Jumlah ini merangkumi individu yang tidak berkerja disebabkan masalah kesihatan dan wanita yang berperanan sebagai suri rumah. Sebanyak 31.1% warga tua pernah bekerja sebagai pekerja am. Mereka terlibat sebagai pembantu kedai kopi, pembantu di kedai rambut dan pekebun. Peratusan yang pernah bekerja di sektor swasta adalah 28.8%. Tambahan lagi, sebanyak dua orang (4.4%)

warga tua pernah bekerja di sektor kerajaan. Kedua-dua individu ini merupakan bekas tentera. Di samping itu, seorang warga tua pernah terlibat dalam perniagaan kecil.

Jadual 7: Pendapatan Terakhir.

Pendapatan Terakhir	Bilangan	Peratus (%)
Tiada Pendapatan	15	33.3
RM 500 ke bawah	15	33.3
RM 501 hingga RM 1000	9	20.0
RM 1001 keatas	6	13.4
Jumlah	45	100.0

Pendapatan terakhir yang diperoleh oleh warga tua yang dikaji ditunjukkan oleh Jadual 7. Hasil kajian mendapati bahawa 33.3% warga tua tidak mempunyai sebarang pendapatan kerana tidak bekerja. Sebanyak 33.3% warga tua telah memperoleh pendapatan terakhir mereka sebanyak RM500 dan ke bawah. Kebanyakan daripada mereka ini bekerja sebagai pekerja am dan pekerja swasta. Sebanyak 20.0% warga tua telah memperoleh pendapatan antara RM501 hingga RM1000. Hanya 13.4% sahaja warga tua yang pernah mendapat pendapatan terakhir sebanyak RM1001 ke atas.

Jadual 8: Tempoh penempatan di RSK Taiping

Tempoh penempatan	Bilangan	Peratus (%)
1 tahun ke bawah	5	11.1
1 tahun – 5 tahun	27	60.0
6 tahun – 10 tahun	8	17.8
11 tahun ke atas	5	11.1
Jumlah	45	100.0

Jadual 8 menunjukkan tempoh penempatan warga tua di RSK Taiping. Sebanyak 11.1% warga tua menyatakan bahawa mereka tinggal di RSK Taiping dalam tempoh kurang daripada setahun. Sebanyak 60.0% warga tua ditempatkan di pusat ini antara 1 hingga 5 tahun. Selain itu, sebanyak 17.8% warga tua ditempatkan di pusat ini antara 6 hingga 10 tahun. Jumlah warga tua yang telah ditempatkan di pusat ini lebih daripada 11 tahun adalah sebanyak 11.1%.

Penempatan warga tua di RSK Taiping

Penempatan warga tua di RSK Taiping yang dikaji memfokuskan kepada dua perkara utama. Pertama, kajian memfokuskan kepada individu yang menempatkan warga tua di RSK Taiping. Kedua, kajian memberi penekanan terhadap faktor-faktor yang mendorong penempatan warga tua di RSK Taiping.

Jadual 9: Individu yang menempatkan warga tua di RSK Taiping

Hubungan	Bilangan	Peratus (%)
Secara sukarela	26	58.0
Ahli keluarga	8	18.0
Saudara terdekat	5	11.0
Orang yang tidak dikenali	4	9.0
Rakan	2	4.0
Jumlah	45	100.0

Jadual 9 menunjukkan hubungan antara warga tua dengan individu yang menempatkan warga tua di RSK Taiping. Hasil kajian mendapati bahawa sebanyak 58.0% warga tua mempunyai tiada pilihan maka mereka secara sukarela mengambil keputusan untuk tinggal di RSK Taiping tanpa paksaan oleh mana-mana pihak. Menurut seorang warga tua:

“Dulu saya dapat bantuan dari ‘welfare’. Masa saya pergi pejabat... mereka cakap tentang rumah orang tua ini. Saya pun fikir-fikir la. Saya tak suka ganggu sesiapa. Pegawai welfare tu tolong saya untuk isi borang semua. Lepas tu, saya pun tunggu lama-lama. Saya pun terima surat daripada welfare. Lepas tu baru ada orang telefon saya, minta saya kemas barang saya. Ada orang bawa kereta dari ‘welfare’ dan bawa saya sini.”

Seorang lagi warga tua menyatakan:

“Mak Cik tak ade anak untuk jaga. Saya pun sudah tua. Tak kerja lagi. Lepas tu saya pergi pejabat welfare ... minta tolong. Lepas tu sana ada orang bagi tahu tentang rumah ini. Mereka tolong saya isi borang tu. Satu hari ada orang telefon saya, mereka minta saya atur barang-barang saya. Saya tak sempat bagitau anak saudara saya. Saya tulis surat dan simpan kat pintu sahaja. Lepas tu, orang welfare bawa saya kat Tanjung Rambutan. Lepas tu, baru sebelum dua tahun mereka bawa mai sini.”

Sebanyak 18.0% warga tua menyatakan bahawa mereka ditempatkan di RSK Taiping sama ada oleh ahli keluarga manakala sebanyak 11.0% warga tua ditempatkan di RSK Taiping oleh saudara terdekat iaitu dalam lingkungan keluarga adik-beradik. Menurut seorang warga tua yang ditempatkan oleh ahli keluarga:

“Dulu Pak Cik buat kerja. Lepas saya dah pencen ... saya ambil duit EPF dan bazirkan semua duit bersama kawan-kawan saya. Kadang-kadang saya ada minum minuman keras jugak ... sebab itu ... keluarga saya selalu marah saya. Lepas tu,

anak saya mahu saya tinggal di rumah orang tua ... sebab mereka tak dapat jaga saya...sebab jiran-jiran saya selalu komplek kat anak saya ... Saya pun ingat tak mau ganggu mereka lagi. Ada orang dari kebajikan datang rumah saya untuk bawa saya mai sini. Saya pun terus ikut mereka saja.”

Seorang warga tua yang ditempatkan oleh keluarga terdekat menyatakan:

“Mak Cik dulu tinggal dengan kakak saya. Selepas kakak Mak Cik sudah meninggal dunia anak-anak dia tak dapat jaga Mak Cik. Lagi pun mereka semua kerja, balik lambat. Mereka sudah fikir bawa mai Mak Cik kat rumah ini. Mak Cik pun ingat tak mau bebankan mereka lagi. Anak kakak Mak Cik bawa Mak Cik kat rumah di Tanjung Rambutan. Orang Kebajikan yang bawa saya dari Tanjung Rambutan ke Taiping.”

Sebanyak 9.0% warga tua ditempatkan oleh orang yang tidak dikenali. Menurut seorang warga tua:

“Pak Cik tak ade keluarga sendiri. Pak Cik dulu pernah tinggal bersama saudara. Selepas Pak Cik jatuh sakit, mereka hantar Pak Cik hospital. Kadang-kadang, saja mereka datang tengok Pak Cik kat hospital. Selama satu bulan lebih Pak Cik duduk kat hospital saja ... Pak Cik pun tak mau jadi beban kat mereka ... orang kerja kat hospital tu, tolong Pak Cik untuk masuk sini. Dari hospital Pak Cik terus masuk rumah ini. Orang Kebajikan yang bawa Pak Cik ke sini dari hospital.”

Seorang lagi warga tua menyatakan:

“Saya dengan bapa saya datang ke rumah ini. Kami tak ade siapa pun. Masa tu tak ade rumah untuk kami... Masa tidur kat tepi jalan, polis tangkap dan tolong kami bawa ke sini. Polis itu yang hantar kami ke sini.”

Hanya 4.0% warga tua sahaja ditempatkan oleh rakan di RSK Taiping. Menurut seorang warga tua:

“Mak Cik dulu tinggal dengan kawan saya. Mak Cik tak kahwin pun ... kawan Mak Cik pun tak kahwin. Kawan Mak Cik pulak tinggal dengan mak dia. Masa itu Mak Cik sudah jatuh sakit. Dia tak dapat tolong Mak Cik lagi. Lepas tu, satu hari kawan Mak Cik pun meninggal dunia ... Mak Cik rasa tak ade orang untuk Mak Cik kat rumah dia. Lepas tu, ada satu lagi kawan Mak Cik tolong bawa pi Mak Cik kat rumah dia. Dia yang bagi tau tentang rumah kebajikan ini. Dia kata dia akan tolong Mak Cik mai sini. Lepas tu, orang Kebajikan datang rumah kawan Mak Cik. Mereka bawa kereta dan bawa Mak Cik sini.”

Secara keseluruhannya, dapat dikatakan bahawa banyak warga tua yang dikaji mengambil keputusan secara sukarela untuk tinggal di RSK pada usia tua. Maka, golongan ini dengan

sendirinya datang ke RSK Taiping. Selainnya, ditempatkan oleh ahli keluarga, saudara mara, rakan dan juga orang yang tidak dikenali.

Jadual 10: Faktor pendorong penempatan

Faktor	Bilangan	Peratus (%)
Faktor kesihatan	8	17.7
Faktor ekonomi	6	13.3
Tidak mahu membebankan ahli keluarga.	5	11.0
Ahli keluarga tidak mampu menjaga	8	18.0
Saudara terdekat tidak mampu menjaga	18	40.0
Jumlah	45	100.0

Jadual 10 menunjukkan faktor-faktor yang mendorong penempatan warga tua di RSK Taiping. Hasil kajian mendapati sebanyak 58.0% warga tua yang ditempatkan di RSK Taiping kerana saudara terdekat (40.0%) dan ahli keluarga (18.0%) tidak mampu untuk menjaga mereka. Menurut seorang warga tua berstatus bujang dan tinggal bersama saudara terdekat iaitu adik-beradiknya:

“Sebab saya tak kahwin, saya tak ada keluarga sendiri. Tak ada anak untuk jaga. Jadi, saya tinggal dengan keluarga adik-beradik. Sekejap sini ... sekejap sana. Saya nampak susah juga bagi mereka untuk jaga saya lebih-lebih lagi umur saya pun terlalu tua. Masing-masing ada keluarga. Masing-masing ada masalah...”

Menurut seorang lagi warga tua:

“Saya tinggal dengan keluarga abang saya. Waktu abang saya mati, saya duduk dengan keluarga dia. Tapi, saya tak senang hati duduk dengan mereka. Susahkan mereka. Berapa lama anak dia nak jaga saya. Saya fikir tak baik saya terus duduk kat situ. Memang dia jaga saya dengan baik tapi dia ada kerja ... ada keluarga. Saya pun susah duduk satu orang kat rumah. Dia dan isteri dia juga kena jaga emak bapak yang sudah tua. Saya tak mau jadi beban kat mereka. Sebab itu saya datang sini.”

Tambahan lagi, seorang lagi warga tua menyatakan:

“Dulu waktu muda, Pak Cik ingat Pak Cik tak perlu bantuan sape-sape. Ingat boleh hidup sendiri. Tapi bila Pak Cik sudah tua, baru sedar ... banyak kerja tak boleh buat sendiri. Susah kalau tak ada orang untuk tolong. Pak Cik tak fikir semua ini dulu. Sekarang, bila tak ada sape Pak Cik kena tinggal di rumah orang lain. Walaupun rumah saudara kandung, tak sama dengan keluarga sendiri. Susah juga bagi saudara jaga ...lagi la kalau Pak Cik sakit”

Selain itu, faktor kesihatan juga merupakan faktor yang mendorong penempatan warga tua di RSK Taiping. Sebanyak lapan warga tua (17.7%) yang dikaji ditempatkan di sini akibat masalah kesihatan. Daripada jumlah tersebut dua warga tua tidak dapat berjalan dan menggunakan bantuan kerusi roda manakala tiga warga tua lagi menghadapi masalah penglihatan. Tambahan pula, terdapat juga warga tua yang berhadapan dengan masalah kesihatan seperti sawan dan asma. Menurut warga tua ini:

“Saya sudah banyak kali jatuh pengsan kat rumah. Waktu itu tak ada siapa kat rumah. Semua keluar kerja ... balik pun lewat. Anak risau takut apa-apa berlaku. Dia hantar saya ke sini.”

Sebanyak 13.3% warga tua ditempatkan di RSK Taiping akibat desakan ekonomi. Masalah kewangan merupakan punca utama yang mempengaruhi tindakan ini. Kegagalan mendapat sokongan kewangan daripada ahli keluarga menyebabkan warga tua tidak dapat memenuhi keperluan dan kehendak bagi menjalani kehidupan mereka seorang diri di rumah. Hal ini menyebabkan mereka terpaksa menghuni RSK Taiping. Menurut seorang warga tua:

“Mak Cik tinggal sendiri waktu itu. Anak ... ada yang bagi duit, ada juga yang tak bagi duit. Yang bagi duit pun sikit saja. Susah Mak Cik untuk beli barang keperluan dapur. Dengan duit yang ada itulah Mak Cik kena jaga makan minum. Mak Cik tau Mak Cik tak boleh tinggal macam ni ... memang susah! Mak Cik tak ada pilihan lain. Sebab itu Mak Cik ada kat sini.”

Di samping itu, sebanyak 11.0% warga tua berasa bahawa mereka tidak ingin membebankan ahli keluarga. Menurut seorang warga tua:

“Hidup saya sangat susah waktu tinggal di rumah anak. Anak dan menantu saya selalu gaduh sebab saya tinggal kat rumah mereka. Menantu pulak selalu marah saya waktu anak saya tak ada kat rumah. Saya rasa tertekan ... rasa sunyi duduk kat situ asyik kena marah. Saya sedar saya jadi beban kat rumah mereka. Saya buat keputusan untuk tak bebankan mereka lagi.”

Seorang lagi warga tua menyatakan:

“Saya tinggal sendiri sebelum ini. Hanya bergantung pada apa yang anak-anak bagi. Anak saya kadang-kadang bagi duit, kadang-kadang tak bagi duit. Dulu sebagai emak, saya sudah buat apa yang patut untuk anak-anak ... kerja, jaga mereka dan bagi mereka belajar walaupun susah. Sekarang mereka sibuk dengan kerja. Ada keluarga. Ada waktu anak dan menantu juga gaduh pasal saya. Anak mau saya duduk dengan dia, menantu tak mau. Saya tak mau bebankan anak sekarang. Saya tak mau mereka gaduh. Saya mau mereka hidup gembira. Saya tak mau jadi beban mereka. Saya selesa duduk sini sekarang. Tak payah fikir apa-apa.”

Justeru, terdapat pelbagai faktor yang telah mendorong warga tua ditempatkan di RSK Taiping. Kegagalan saudara terdekat dan ahli keluarga untuk menjaga warga tua dilihat sebagai faktor dorongan utama golongan ini ditempatkan di sini. Walaupun faktor kesihatan, faktor ekonomi dan sikap warga tua sendiri yang tidak ingin membebankan ahli keluarga turut dilihat mempengaruhi dorongan penempatan warga tua di RSK Taiping namun kesemua faktor ini saling berhubung antara satu sama lain.

Keselesaan diri warga tua di RSK, Taiping

Kajian ini juga telah memfokuskan kepada penyesuaian diri yang dilakukan oleh warga tua di RSK Taiping setelah penempatan mereka di sini. Jadual 11 menunjukkan keselesaan yang dinyatakan oleh warga tua yang menetap di RSK Taiping.

Jadual 11: Keselesaan warga tua menetap di RSK Taiping

Bil	Keselesaan Diri Warga Tua di RSK Taiping.	Ya		Tidak	
		Bil	(%)	Bil	(%)
1	Selesa dengan kemudahan penginapan.	45	100.0	-	0.0
2	Selesa dengan kemudahan tempat beristirehat.	45	100.0	-	0.0
3	Selesa dengan kemesraan dan sikap ambil berat.	45	100.0	-	0.0
4	Selesa dengan jagaan kesihatan	45	100.0	-	0.0
5	Selesa dengan jagaan makan minum	45	100.0	-	0.0

Berdasarkan Jadual 11, semua warga tua yang dikaji berasa selesa dengan kemudahan penginapan yang disediakan di RSK Taiping ini. Menurut seorang warga tua:

“Mak Cik sangat selesa dengan kemudahan penginapan di sini. Tempat tidur yang telah disediakan selesa juga. Mereka bagi katil, tilam, bantal untuk kami. Mak cik berasa ruang yang besar juga mereka sediakan untuk kami. Tempat mandi dan tandas dekat dengan bilik Mak Cik sahaja. Mak Cik tak perlu jalan jauh-jauh kalau nak pi tandas. Lagi pun, tempat ini tidak kotor la. Mak cik rasa tidak orang kacau kami. Kami semua buat kerja masing-masing saja dalam bilik kami. Kalau rasa bosan sangat kami duduk ramai-ramai kat ruang tamu.”

Golongan ini juga berasa selesa dengan kemudahan beristirehat yang telah disediakan. Menurut seorang warga tua:

“Ikut Pak cik, Pak cik rasa sini ada banyak tempat rehat. Sini ada banyak pondok. Ada surau lagi, ada dewan lagi dan ada kantin juga. Depan asrama Pak Cik, ada juga ruang untuk rehat. Sana ada TV lagi. Kalau kita rasa bosan kita boleh tengkok TV juga. Biasa Pak cik duduk kat pondok tu beramai-ramai dan rehat kat situ juga.”

Selain itu, semua warga tua berasa selesa dengan kemesraan dan sikap ambil berat yang ditunjukkan di RSK Taiping. Menurut seorang warga tua:

“Mak Cik lebih selesa dengan sikap mesra dan ambil berat semua kakitangan di rumah ini. Dulu anak saya pun kadang-kadang marah saya. Tapi sini, mereka semua ambil berat atas kami semua la. Mereka tidak tengok agama semua ... mereka tolong semua orang juga. Mereka ambil berat tentang kesihatan juga. Mereka selalu bagi ubat untuk Mak cik ikut masa. Cara bual dengan Mak Cik pun mereka sopan. Walaupun mereka muda daripada Mak Cik ... mereka pandai jaga Mak Cik.”

Tambahan pula, semua warga tua berasa selesa dengan jagaan kesihatan. Begitu juga dengan makan-minum yang disediakan untuk warga tua. Menurut seorang warga tua:

“Sebelum Mak Cik masuk sini, Mak Cik kena elektrik ‘shock’ ... dari tu Mak Cik tak boleh jalan dah ... Mak Cik guna kerusi roda saja ... Selepas mai rumah ini mereka semua yang jaga Mak Cik. Bagi Mak Cik mereka semua jaga Mak Cik dengan baik. Kalau Mak Cik rasa tak sihat, mereka ada bawa hospital semua ... Lagi pun, mereka bagi ubat semua ikut masa untuk Mak Cik. Dua bulan lepas pun Mak Cik terpaksa buat pembedahan ... lepas pembedahan Mak Cik, mereka yang jaga Mak Cik dengan baik.”

Seorang lagi warga tua menyatakan:

“Sini Pak Cik dapat makan lima kali satu hari, dekat rumah pun Pak Cik tak pernah makan lima kali ... Ikut masa mereka bagi makanan untuk kami... Pak Cik ambil sarapan, makan tengah hari lepas tu ambil makanan malam sahaja la... Pak cik rasa selesa dengan jagaan makanan dan minuman. Makanan semua bersih ... sedap juga la ... semua pinggan, mangkuk dan cawan semua bersih ... Makanan semua mereka letak kat kantin ... nanti masa makan kami datang makan kat kantin saja la.”

Secara keseluruhannya, dapatan kajian menunjukkan bahawa warga tua yang ditempatkan di sini berpuas hati untuk menetap di RSK Taiping. Keselesaan untuk menetap di sini mengambil kira kemudahan, sikap ambil berat, jagaan kesihatan dan jaminan makan-minum yang baik.

PERBINCANGAN

Objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti latar belakang warga tua dan faktor-faktor yang mendorong penempatan warga tua di RSK Taiping. Selain itu, kajian ini juga bertujuan mengenal pasti keselesaan golongan ini di pusat jagaan ini. Dalam menerangkan latar belakang warga tua yang dikaji, hasil kajian mendapati bahawa 58.0% warga tua adalah bujang. Golongan ini tidak mempunyai keluarga sendiri untuk bergantung hidup. Mereka terdiri daripada warga tua yang hidup sendirian, menumpang di rumah adik-beradik mahupun saudara-mara terdekat. Dapatan kajian juga mendapati bahawa taraf pendidikan warga tua yang dikaji adalah rendah. Lebih 30.0% tidak pernah bersekolah. Kebanyakannya mendapat pendidikan rendah dan

pendidikan menengah namun terdapat juga yang tercicir di kedua-dua peringkat persekolahan. Maka, tahap pendidikan yang rendah ditambah pula dengan kadar keciciran yang tinggi memberi kesan ke atas pekerjaan dan juga pendapatan. Golongan ini rata-ratanya pernah bekerja pada pekerjaan berskil rendah dengan pendapatan yang kurang. Lebih 30.0% warga tua tidak bekerja akibat berperanan sebagai suri rumah dan akibat berhadapan dengan masalah kesihatan. Bagi yang pernah bekerja, majoriti daripada mereka berpendapatan kurang daripada RM1000.00 dilihat pada pendapatan terakhir mereka. Justeru, tahap pendidikan, pekerjaan dan pendapatan yang rendah telah memberi kesan kepada taraf hidup dan juga simpanan wang untuk jaminan masa hadapan.

Kajian ini juga menemukan dapatan yang menarik tentang pihak yang menempatkan warga tua di RSK Taiping. Hasil kajian mendapati bahawa 58.0% warga tua mempunyai tiada pilihan dan menempatkan diri secara sukarela di pusat jagaan ini tanpa paksaan daripada mana-mana pihak tidak kira keluarga mahupun saudara terdekat. Penempatan warga tua oleh saudara terdekat dan ahli keluarga sendiri menjadi penyumbang kedua dan ketiga terbesar dalam aspek ini. Dua penyumbang lain adalah rakan dan juga orang yang tidak dikenali.

Kajian ini juga menemukan dapatan yang menarik tentang faktor yang menyumbang kepada dorongan penempatan warga tua di RSK Taiping. Hasil kajian mendapati ketidakmampuan saudara terdekat untuk menjaga warga tua menjadi penyumbang utama kepada dorongan utama penempatan warga tua di RSK Taiping. Faktor ini diikuti oleh ketidakmampuan ahli keluarga untuk menjaga warga tua, masalah kesihatan yang dihadapi oleh warga tua, kekangan kewangan untuk berdikari dan sikap tidak ingin membebankan ahli keluarga. Dalam menerangkan ketidakmampuan ahli keluarga untuk menjaga ibu bapa, dapatan kajian ini konsisten dengan kajian Surina Nayan (2006) yang mendapati bahawa sikap anak yang mementingkan kerjaya dan tiada kesedaran atau penghargaan anak terhadap pengorbanan warga tua sebagai antara faktor utama pengabaian warga tua. Kajian ini juga konsisten dengan kajian Noraini Che Sharif et al. (2015) yang mendapati bahawa kesibukan kerja anak, ketidakpercayaan ibu bapa bahawa anak dapat menjaga mereka selain masalah kewangan dan masalah kesihatan yang dihadapi oleh warga tua juga bertindak sebagai penyumbang kepada pengabaian warga tua.

Satu lagi dapatan yang menarik dalam kajian ini adalah kesemua warga tua yang dikaji berpuas hati dan dapat menyesuaikan diri dengan baik di RSK berbanding kedudukan mereka sebelum menghuni pusat jagaan ini. Golongan ini berasa selesa dengan kemudahan penginapan, tempat istirehat, kemesraan dan sikap ambil berat yang ditunjukkan, jagaan kesihatan dan jagaan makan minum yang terurus oleh pihak pengurusan RSK Taiping. Kajian ini konsisten dengan kajian Shalini Sanmargaraja dan Seow Ta Wee (2013) yang mendapati majoriti warga tua berasa gembira dan selesa menghuni RSK kerana kemudahan kesihatan, kemudahan penginapan dan keselamatan di rumah warga tua tersebut menjamin kesejahteraan dan kualiti hidup mereka di usia tua.

Terdapat beberapa kemungkinan yang dapat dijelaskan tentang penempatan warga tua di RSK Taiping daripada dapatan kajian ini. Pertama, taraf pendidikan yang rendah dalam kalangan warga tua amat mempengaruhi pekerjaan dan juga jumlah pendapatan yang diterima ketika bekerja. Dalam kalangan warga tua ini terdapat yang tidak bekerja dan, rata-rata yang bekerja pula pernah terlibat dalam pekerjaan berskil rendah. Pada masa yang sama, golongan ini juga tiada simpanan untuk jaminan pada usia tua. Warga tua yang tinggal berasingan daripada keluarga mempunyai risiko yang tinggi untuk terus hidup bersendirian akibat kos sara hidup yang tinggi. Hal ini ditambah pula dengan masalah kesihatan menjelang tua. Maka, daripada

terus hidup bersendirian, golongan ini mengambil keputusan untuk menghuni RSK Taiping. Kedua, sesetengah warga tua tidak tinggal berasingan tetapi bergantung kepada anak dan tinggal bersama anak. Dalam tempoh ini, anak pula menghadapi kesukaran untuk menjaga kebajikan mereka akibat kesibukan bekerja. Maka, warga tua berada di rumah tanpa jagaan yang baik. Hal ini ditambah pula dengan layanan yang buruk daripada sesetengah menantu ketika ketiadaan anak di rumah. Maka, anak mengambil keputusan untuk menempatkan warga tua di RSK Taiping atau warga tua dengan sendirinya mengambil keputusan untuk menghuni RSK Taiping.

Ketiga, didapati 58.0% daripada warga tua yang dikaji merupakan bujang. Ketiadaan keluarga menyebabkan sesetengah warga tua terpaksa hidup bersendirian. Kemiskinan, desakan hidup dan faktor kesihatan menyebabkan golongan ini membuat keputusan untuk menghuni RSK Taiping. Sesetengah warga tua pula terpaksa hidup menumpang di rumah saudara terdekat khususnya dengan keluarga adik beradik. Hal ini membebankan keluarga adik-beradik. Tambahan lagi, apabila adik-beradik meninggal, warga tua terpaksa menumpang hidup dengan keluarga anak saudara. Anak saudara juga mempunyai keluarga sendiri yang perlu dijaga kebajikannya. Beban dari segi jagaan dan kos rawatan bertambah apabila warga tua berhadapan dengan masalah kesihatan. Justeru, warga tua ditempatkan oleh adik-beradik atau anak saudara di RSK Taiping. Terdapat juga yang menempatkan diri di pusat jagaan ini secara sukarela.

Justeru, dirumuskan bahawa warga tua yang bujang lebih banyak terabai akibat tiada perlindungan daripada keluarga pada usia tua. Bagi yang berkeluarga pula, anak pada masa kini lebih mementingkan kerjaya dan mengejar materialistik sehinggakan warga tua terabai di rumah tanpa jagaan yang baik. Anak pada masa kini juga kurang mempunyai kesedaran tentang keperluan membalas jasa dan pengorbanan ibu bapa mereka menyebabkan warga tua ditempatkan di pusat jagaan orang tua. Faktor kesihatan warga tua dan keperluan jagaan yang rapi juga turut mendorong warga tua ditempatkan oleh saudara terdekat atau ahli keluarga sendiri di pusat jagaan orang tua. Hal ini ditambah pula dengan layanan yang tidak memuaskan oleh menantu dan konflik keluarga yang tercetus disebabkan. Pada masa yang sama, desakan ekonomi akibat peningkatan kos hidup mendorong warga tua yang hidup bersendirian atau berasingan daripada keluarga untuk menghuni pusat jagaan orang tua. Sikap warga tua yang tidak ingin membebankan orang lain turut menyebabkan golongan ini secara sukarela memilih untuk ditempatkan di pusat jagaan orang tua.

Walau bagaimanapun, penempatan warga tua di RSK Taiping memperlihatkan lebih banyak kebaikan kepada golongan ini. Jika dilihat pada tekanan, masalah dan segala pengalaman negatif yang dialami sebelumnya, warga tua kini berasa lebih selasa dan berpuas hati berada di RSK Taiping berbanding tempat asal mereka. Bagi golongan ini, kemudahan, sikap ambil berat, jagaan kesihatan dan jaminan makan-minum yang diberikan menjamin kesejahteraan dan kualiti hidup pada usia tua.

Kajian ini memperlihatkan beberapa implikasi. Pertama, ibu bapa masa kini perlu mengasuh dan mendidik anak dengan menerapkan keperluan nilai tanggungjawab untuk anak untuk menjaga ibu bapa dan menjamin penjagaan, perlindungan dan kebajikan mereka pada usia tua. Anak perlu dididik untuk memahami dan menghayati jasa dan pengorbanan ibu bapa dan, keperluan anak untuk membalas jasa dan pengorbanan tersebut pada hari tua mereka. Pendidikan informal tentang penjagaan ibu bapa amat perlu diterapkan dari peringkat kecil lagi. Kedua, institusi pendidikan perlu menekankan pendidikan formal tentang penjagaan warga tua. Sukatan pelajaran pendidikan agama dan pendidikan moral perlu menumpukan perhatian kepada agenda ini dalam memperkukuh pentransformasian ilmu seperti yang diaspirasikan. Ketiga, kerajaan

perlu meningkatkan bilangan RSK dan Rumah Ehsan bagi membantu warga tua yang terabai atau ditinggalkan. Pihak kerajaan dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) juga perlu mengadakan pelbagai program kesedaran bagi mewujudkan sistem kekeluargaan yang mantap untuk mengatasi masalah pengabaian warga tua. Kempen kesedaran untuk menyayangi warga tua dan menjamin kebajikan golongan ini amat penting dilaksanakan secara berterusan. Keempat, persatuan-persatuan kebajikan dan institusi agama perlu menjadi pemangkin kepada penyebaran nilai positif dalam usaha memperkayakan tanggungjawab dan keprihatinan masyarakat bagi membentuk masyarakat penyayang. Kelima, pihak media juga perlu memainkan peranan yang penting dalam menyokong dan memperluas promosi kesedaran bagi menyampaikan pengajaran yang bermakna kepada masyarakat tentang pengabaian warga tua.

Walau bagaimanapun, kajian ini mempunyai beberapa limitasi. Kajian ini menggunakan saiz sampel yang kecil memandangkan ramai yang tidak dapat memberi kerjasama untuk kajian ini disebabkan faktor ketidakupayaan fizikal dan kesihatan. Kajian dengan saiz sampel yang besar dapat memberi dapatan yang lebih menarik. Kajian ini juga hanya dilakukan di satu lokasi sahaja iaitu RSK Taiping. Penumpuan terhadap RSK lain di Malaysia dapat memberi gambaran yang lebih menyeluruh dan menarik. Selain itu, kajian ini tidak memfokuskan kepada perbandingan etnik dalam menerangkan dorongan dan penyesuaian yang dilakukan oleh warga tua di pusat jagaan tersebut. Kajian ini juga tidak mengambil kira pusat jagaan swasta dan perbandingan antara pusat jagaan yang dikendalikan oleh kerajaan. Maka, kajian akan datang perlu mengambil kira perkara-perkara yang dinyatakan tersebut.

RUMUSAN

Warga tua merupakan golongan yang telah banyak menyumbang kepada pembangunan keluarga, masyarakat dan negara. Pertambahan populasi warga tua pada hari ini telah memperlihatkan dilema dalam soal penjagaan golongan ini. Malah, penjagaan warga tua dalam institusi keluarga di negara ini telah banyak berubah (Khadijah Alavi dan Rahim M. Sail, 2010). Dewasa ini, ramai warga tua telah menjadi mangsa keadaan; yang menyebabkan golongan ini terpaksa ditempatkan di pusat jagaan orang tua. Secara keseluruhannya, beberapa faktor dikenalpasti sebagai penyumbang dorongan penempatan warga tua di RSK. Faktor penyumbang utama penempatan warga tua di RSK adalah kegagalan anak, adik-beradik atau saudara terdekat untuk menjamin penjagaan, perlindungan dan kebajikan warga tua. Selain itu, faktor kesihatan, masalah kewangan akibat peningkatan kos hidup dan sikap warga tua yang tidak ingin membebankan sesiapa turut menyumbang kepada dorongan penempatan warga di RSK. Walaupun penempatan warga tua di RSK membawa lebih banyak kepuasan dan keselesaan kepada warga tua berbanding tempat asal namun perkara ini tidak harus dilihat sebagai jalan penyelesaian mutlak bagi menjaga dan melindungi kebajikan warga tua. Masyarakat terutamanya keluarga harus sedar bahawa pusat jagaan orang tua adalah tempat perlindungan yang bersifat sementara bagi warga tua. Justeru, langkah memperkukuh institusi keluarga dengan bertunjangkan nilai penghormatan dan keprihatinan terhadap warga tua melalui jaminan penjagaan, perlindungan dan kebajikan golongan ini pada usia tua amat perlu. Dalam hal ini, semua pihak (termasuk keluarga, masyarakat, institusi pendidikan, institusi agama, pertubuhan bukan kerajaan, persatuan, media massa dan kerajaan) harus berganding bahu untuk menjamin kesejahteraan dan kualiti hidup warga tua agar tiada warga tua yang terabai atau terpinggir.

Thamil Chelvi Armugam*, Pusat Pengajian Pendidikan Jarak Jauh, Universiti Sains Malaysia
thamilchelvi_23@yahoo.com

Suresh Kumar N Vellymalay, Pensyarah Kanan, Pusat Pengajian Pendidikan Jarak Jauh
Universiti Sains Malaysia, 04-6534551, suresh@usm.my

* Pelajar tahun akhir 2014/2015 Bahagian Antropologi dan Sosiologi, Pusat Pengajian
Pendidikan Jarak Jauh, Universiti Sains Malaysia.

RUJUKAN

- Burholt, V., & Scharf, T. (2014). Poor health and loneliness in later life: The role of depressive symptoms, social resources, and rural environments. *Journals of Gerontology, Series B: Psychological Sciences and Social Sciences*, 69(2), 311–324.
<http://psychogerontology.oxfordjournals.org/content/69/2/311.full.pdf+html>
- Cameron, L. (2000). The residency decision of elderly Indonesians: A nested logit analysis. *Demography (Pre-2011)*, 37(1), 17-27.
<http://search.proquest.com/docview/222962327?accountid=14645>
- Connidis, I. A. (1994). Sibling support in older age. *Journals of Gerontology*, 49(6), 309-317.
- Creecy, RF., Berg, WE., & Wright, R. (1985). *Loneliness among the elderly: A causal Approach*. *Journal of Gerontology*, 40(4): 487-493.
<http://geronj.oxfordjournals.org/content/40/4/487.full.pdf+html>
- Lee, HY., Gibson, P dan Chaisson, R. (2011). Elderly Korean Immigrants' socially and culturally constructed definitions of elder neglect. *Journal of Aging Studies*, 25(2), 126-134. <http://www.sciencedirect.com/science/article/pii/S0890406510000782>
- Luo, Y., Hawkey, LC., Waite, LJ., & Cacioppo, JT. (2012). Loneliness, health, and mortality in old age: A national longitudinal study. *Social Science and Medicine*, 74 (6), 907-914.
- Jabatan Kebajikan Masyarakat. (2014). Laporan Statistik 2013.
http://www.jkm.gov.my/file/file/Statistic_2013/BHG_C-INSTITUSI.pdf
- Khadijah Alavi & Rahim M. Sail (2010). Peranan wanita Melayu dalam proses penjagaan ibu bapa tua: Dilema dan cabaran dalam era globalisasi. *Kajian Malaysia*, 28(2), 71-105.
- Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM). Quickfacts KPWKM 2014. <http://www.kpwkm.gov.my/documents/10156/9169c437-cce2-4d33-95dc-d3eb8aa14dd6>
- Mafauzy, M. (2000). The Problems and Challenges of the Aging Population of Malaysia. *Malaysian Journal of Medical Sciences*, 7(1), 1-3.
<http://www.ncbi.nlm.nih.gov/pmc/articles/PMC3406209/>
- Mashitah Ibrahim. (2011, Oktober 16). Warga tua aset negara yang bernilai. *Sinar Harian Online*. <http://www.sinarharian.com.my/kolumnis/dr-mashitah-ibrahim/warga-emas-aset-negara-yang-bernilai-1.1653>

- Noraini Che Sharif, Khadijah Alavi, Ponnusamy Subramaniam & Zainah Ahmad Zamani (2015) Pengalaman dan faktor pengabaian warga dalam komuniti. *E-bangi*, 10(1), 118-134.
- Shalini Sanmargaraja & Seow Ta Wee (2013). Pandangan warga tua di rumah warga tua: Kajian kes di bandaraya Ipoh dan Johor Bahru. Kertas Persidangan kebangsaan Geografi & Alam Sekitar kali ke-4, Jabatan Geografi dan Alam Sekitar, Fakulti Sains Kemanusiaan, Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Surina Nayan (2006). Keprihatinan yang luntur terhadap warga emas. *Jurnal Intelek*, 4(1), 95-105.
- The Malaysian Times. 15 Oktober 2012. Hampir 6 000 warga tua huni rumah orang tuaseluruh negara. <http://www.themalaysiantimes.com.my/hampir-6000-warga-emas-huni-rumah-orang-tua-seluruh-negara/>
- Zuhayati Yazid (2012). Warga emas perlu awasi kesihatan. Utusan Online. 17/1/2012. http://ww1.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2012&dt=0117&pub=Utusan_Malaysia&sec=Kesihatan&pg=kn_02.htm